

---

**Teks Ucapan**  
**YBhg Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Che Othman**  
**Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad**  
**Di Hari Terbuka Pusat Komuniti Pintar PNB, di Kampung Nenasi Pantai,**  
**Mukim Bebar, Pekan, Pahang,**  
**31 Mei 2008, Jam 3.00 petang.**

---

**YB Khairuddin Mahmud,**

**ADUN Pulau Manis,**

**Ketua-ketua pegawai Eksekutif dan Pengarah-pengarah Urusan Syarikat Kumpulan PNB**

**Pengurusan Kanan PNB**

**Ketua-Ketua Jabatan;**

**Penghulu-Penghulu Mukim;**

**Ketua-ketua Kampung;**

**Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung**

**Para hadirin yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum w.b.t

Bersyukur kita ke hadrat Allah subhanahu wata'ala kerana dengan limpah izin dan inayahNya, maka kita dapat bertemu sekali lagi di sini pada petang ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Khairuddin Mahmud, ADUN Pulau Manis kerana sudi hadir ke Hari Terbuka Pusat Komuniti Pintar PNB pada hari ini.

2. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, Pusat Komuniti Pintar PNB di Kampung Nenasi Pantai ini dilancarkan pada 7 April tahun lalu, juga oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Pusat Komuniti Pintar ini

menggabungkan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Pusat Tuisyen dan Pusat Sumber. Ia dilengkapi dengan 15 buah komputer peribadi (PC), mempunyai sambungan Internet dan sehingga kini memiliki sejumlah 1,010 buah buku yang meliputi perlbagai topik seperti sejarah, sains, kewangan, kekeluargaan dan ensiklopedia.

3. Pusat Komuniti Pintar ini dibangunkan dengan harapan ia akan menjadi pusat sehenti bagi penduduk kampung dan kawasan sekitar untuk belajar mengenai ICT dan pada masa sama menjalankan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Penganjuran Hari Terbuka ini sebenarnya ialah sebagai satu 'avenue' untuk kami di PNB bertemu dengan penduduk setempat dan menilai sendiri keberkesanan kewujudan pusat ini di kampung ini. Kini selepas lebih setahun ia beroperasi, PNB amat berbangga kerana kewujudan pusat ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk kampung ini dan kawasan sekitarnya.

4. Sehingga kini, Pusat Komuniti Pintar ini sudah mempunyai keahlian seramai 562 orang terdiri daripada kanak-kanak sekecil 6 tahun sehinggalah warga emas yang berusia 56 tahun ke atas. Program-program yang diatur pihak pengurusan sepanjang tahun lalu dan awal tahun ini telah berjaya menarik kehadiran 6,322 pengunjung. Antara program-program yang diatitkan termasuklah ceramah motivasi dan seminar perancangan kewangan dan pelaburan.

5. Sambutan menggalakkan ini merupakan satu perangsang kepada PNB untuk terus komited dalam menyumbang kepada masyarakat. Menerusi sumbangan-sumbangan seperti inilah PNB secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pembangunan modal insan di negara ini. Untuk makluman, PNB sudah pun membuka Pusat Komuniti Pintar ke-2 di Kampung Hilir, Merbok, Kedah pada Februari lalu.

6. PNB sememangnya memilih desa-desa sebagai lokasi Pusat Komuniti Pintar ini kerana kami berpendapat, pembangunan modal insan perlu bermula dari akar umbi dan capaian kepada masyarakat desa amat penting untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan perdana. Ini kerana PNB bukan sekadar membina, tetapi juga menyediakan pelbagai program yang diatur secara berterusan di pusat ini untuk membantu para pengguna. Antaranya, termasuklah dengan menyediakan dua orang penyelia tetap yang mempunyai latar belakang pendidikan ICT. Mereka inilah yang bertanggungjawab menyelia pusat berkenaan dan menyelaras semua aktiviti, kelas dan program yang dirancangkan oleh pihak PNB. Tidak mustahil kadar penggunaan Internet 'dial up' di Pahang yang dicatat pada kadar 6.7 orang bagi 100 penduduk ketika ini mampu meningkat dengan adanya kemudahan seperti ini, seterusnya merapatkan jurang penggunaan dengan Kuala Lumpur yang mencatat kadar 37.8 orang bagi 100 penduduk<sup>1</sup>.

Tuan-tuan dan puan-puan

7. Kampung Nenasi Pantai ini dan Kampung Hilir, kedua-duanya dipilih sebagai lokasi Pusat Komuniti Pintar selepas PNB menjalankan kajian menyeluruh terhadap potensi yang dimiliki kawasan itu dari segi manfaat kepenggunaan, kepadatan penduduk dan juga jumlah golongan belia dan pelajar. Bagi Kampung Nenasi Pantai ini, kepadatan penduduk yang berjumlah hampir 3,500 orang dan jumlah peratusan golongan belia yang tinggi iaitu kira-kira 40 peratus daripada jumlah penduduk menjadi antara sebab utama mengapa ia dipilih sebagai lokasi pusat ini.

8. Berdasarkan pola penggunaan Pusat Komuniti di kampung ini seperti yang dinyatakan tadi, formula pemilihan lokasi ini jelas memberi kesan

---

<sup>1</sup> Communications and Multimedia : Selected Facts and Figures, Q4 2007, MCMC

positif kepada kewujudan pusat komuniti ini. Tanpa jumlah pengguna yang sesuai, sukar bagi PNB untuk mengatur program untuk memastikan pusat ini terus aktif dan memberi manfaat kepada penduduk setempat. Cuma apa yang diharapkan, kemudahan yang disediakan tidak digunakan untuk melakukan perkara yang menyalahi undang-undang ataupun tidak bermoral, seperti melayari laman-laman web yang tidak memberi manfaat atau menjadikannya seperti pusat permainan video game. Ini kerana PNB tidak mahu pusat yang berharga hampir setengah juga ini menyimpang daripada matlamat asal penubuhannya.

9. Kami juga berharap orang ramai akan mengambil kesempatan daripada program seperti seminar perancangan dan kewangan yang di atur di pusat ini untuk menambah ilmu mengenai pelaburan. Sebagai institusi pelaburan terbesar di negara ini, peranan sebagai 'pendidik' yang mendidik masyarakat mengenai ilmu pelaburan, terutamanya dalam unit-unit amanah sudah menjadi antara tanggungjawab utama PNB. Justeru, mengambil kesempatan daripada penganjuran hari terbuka ini pelbagai aktiviti berteraskan pendidikan pelaburan sudah dianjurkan sejak pagi tadi lagi. Antaranya termasuklah pameran mini, seminar perancangan kewangan, pertandingan mewarna dan sukan rakyat yang boleh disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat. Aktiviti-aktiviti ini semuanya dianjurkan untuk meningkatkan pemahaman orang ramai mengenai pelaburan dan konsep asasnya iaitu risiko dan pulangan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Pada masa ini, PNB menawarkan pelbagai peluang pelaburan kepada semua golongan, contohnya Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020, Amanah Saham Malaysia (ASM) dan Amanah Saham Didik (ASD) yang ditawarkan pada harga tetap RM1 seunit dan unit-unit

amanah harga berubah-ubah seperti Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Nasional 2 dan dan Amanah Saham Nasional 3 dan Amanah Saham Gemilang (pendidikan, persaraan dan kesihatan).

11. Alhamdulillah, sehingga kini PNB sudah berjaya menggembeleng lebih 79 bilion unit saham amanah daripada 9 juta unit. Daripada jumlah ini, lebih 3.22 bilion unit digembeleng daripada 537 ribu pemegang unit di Negeri Pahang. Secara keseluruhannya, dengan mengambil kira dana milik PNB dan dana yang dikumpul menerusi unit amanah, PNB kini menguruskan dana berjumlah RM120 bilion. Paling membanggakan, dana-dana ini dikumpul sebahagian besarnya daripada pelaburan serendah RM10 yang disumbangkan pelbagai lapisan masyarakat.

12. Saya amat berharap menerusi aktiviti pendidikan pelaburan yang dilaksanakan PNB menerusi pelbagai program CSRnya, matlamat melahirkan masyarakat berilmu dan celik pelaburan akan dapat direalisasikan. PNB telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti bagi memantapkan lagi platform pendidikan pelaburan bersepadunya antaranya termasuklah, Program TV Along Bijak, Kuiz Pelaburan PNB, Kelab Pelaburan Bijak PNB dan Taklimat Perancangan Kewangan 360 hari. Program-program ini mensasarkan penyertaan seluruh lapisan masyarakat sama ada golongan kanak-kanak, para pelajar, generasi muda, profesional dan sebagainya.

Tuan-tuan dan Puan-puan

13. Sebentar lagi kita akan sama-sama menyaksikan majlis penyampaian sijil dan anugerah kepada peserta-peserta terbaik ICT, penyerahan sumbangan buku untuk pusat sumber dan juga pelancaran Laman Web Pusat Komuniti Pintar PNB. Laman web Pusat Komuniti Pintar ini akan berperanan sebagai penyedia maklumat yang memberi pelbagai maklumat terkini mengenai peranan pusat ini kepada semua.

14. Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada YB Khairuddin Mahmud, ADUN Pulau Manis kerana sudi hadir ke Hari Terbuka Pusat Komuniti Pintar PNB pada hari ini. Di harapkan sokongan padu yang diberikan terutamanya oleh pihak berkuasa tempatan dan ahli kariah kampung ini akan terus membantu menjayakan program-program yang dianjurkan di pusat ini.

Sekian, terima kasih.